

11/07/2000

Labuan jadi pusat pelancongan

Lichong Angkui

KOMPLEKS Hadap-Air Labuan berharga RM33.5 juta yang dijadualkan siap menjelang akhir tahun ini, dijangka menjadi pelengkap usaha membangunkan sektor pelancongan di Pulau Labuan yang semakin agresif dipromosikan.

Dikategorikan sebagai tarikan utama pelancongan, projek Hadap-Air atau akan dikenali sebagai Labuan Waterfront itu, diyakini mampu mengubah wajah Pulau Labuan, sekali gus melengkapkan potensinya sebagai destinasi terbaik bagi pelabur dan pelancong asing.

Setelah berjaya menonjolkan diri sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), sewajarnya Labuan meneroka potensi baru dalam sektor pelancongan. Kekayaan Labuan, daripada kesan peninggalan sejarah dan sumber alam semula jadi sehinggalah kepada dasar laut dan hasil produk marinnya, akan menjadi tarikan baru pelancongan pulau itu.

Pelaksanaan projek hadap air yang terletak di Jalan Tanjung Purun itu, dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan industri pelancongan.

Projek berkenaan direkabentuk dengan komposisi tiga struktur senibina utama yang mempunyai fungsi berlainan, kemudian diintegrasikan dan digabungkan dalam plaza utama.

Pengurus Projek RBK Planning Consultant Sdn Bhd, Abu Hassan Ahmad Amaludin, yang memberi taklimat mengenai projek itu baru-baru ini, berkata, komposisi reka bentuk keseluruhannya dirancang seperti sebuah bahtera yang layarnya terletak tinggi dan berkembang megah.

Berdasarkan reka bentuk projek berkenaan, sememangnya ia mempunyai keunikan dan nilai seni tersendiri yang sukar diceritakan.

Seperti diungkapkan Abu Hassan dalam taklimat itu, ekspresi yang dipilih bagaikan sebuah bahtera yang mara, berpantang undur, mengharungi lautan tujuh, merentasi ombak dan badai dengan layarnya yang gagah berkibar dipukul angin.

"Strukturanya melengkok bagaikan olakan ombak memintasi dan mengukir plaza-plaza terbuka, memuatkan aktivitinya dan kemudian tegak bersedia untuk mengharungi lautan lepas," katanya.

Sesuai dengan lokasi projek yang menghadap laut, pembinaan kompleks berkenaan berkonsepkan ombak laut yang tersendiri dan berbentuk lengkung 'linear' itu akan menempatkan Pusat Sukan Laut, Muzium Marin Biologi dan Blok Pentadbiran serta Pusat Kraftangan dan Medan Selera.

Sebagai tarikan sokongan, kompleks berkenaan yang meliputi kawasan kira-kira 2.3 hektar itu akan mempunyai taman peringatan, promenade, menara pemerhati setinggi 20 meter, jeti pengangkutan dan restoran laut, plaza pameran dan kemudahan pantai seperti ruang BBQ dan tempat persalinan.

Abu Hasan berkata, pembinaan projek itu dibahagi kepada dua fasa iaitu fasa pertama merangkumi pembinaan projek dan kedua, untuk lanskap serta meningkatkan sistem lalulintas di persekitaran taman.

Menurutnya, projek itu dimajukan Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) bagi meningkatkan pengindahan dan membangunkan sektor pelancongan. Malah, ia disenaraikan sebagai projek keutamaan.

"Pembangunan ini adalah usaha kerajaan membangunkan Pulau Labuan dan kita percaya boleh melakukannya. Jika kita mengimbas sejarah dalam tempoh 100 tahun lalu, Labuan menjadi rebutan pelbagai pihak, termasuk tentera Jepun dan British ketika Perang Dunia Kedua. Mereka cuba memajukannya, tetapi tidak berhasil," katanya.

Beliau menggariskan beberapa matlamat projek Kompleks Hadap-Air Labuan, antaranya, mempromosikan kemeriahan sukan air, menyediakan kemudahan dan

servis sukan laut yang komprehensif serta mewujudkan destinasi yang terkenal di peringkat antarabangsa serta menyediakan tempat berlangsungnya acara sukan laut.

Selain itu, ia juga mewujudkan pusat persinggahan baru atau pusat pelancongan bagi pengunjung ke Labuan dengan mercu tanda laut yang baru dan menampilkan imej Labuan sebagai pusat rekreasi dan sukan air menarik.

Pengurus Kanan Bahagian Perancangan dan Penyelarasan LDA, Md Isa Ja'afar, berkata Kompleks Hadap-Air Labuan adalah antara projek berorientasikan pelancongan yang giat dijalankan di pulau itu, selaras memenuhi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu menjadikan Labuan pulau tercantik di dunia.

Md Isa berkata, projek lain bagi sektor pelancongan termasuk mencantikkan lanskap sekitar bandar Labuan dan jalan utama, menanam pelbagai jenis pokok dan mendirikan replika ikan marlin yang menjadi identiti Pulau Labuan di tempat strategik.

Bagi tujuan itu, katanya, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM30 juta kepada Pulau Labuan.

Beliau juga berkata, kawasan perkampungan air tradisional di Kampung Patau-Patau I juga akan dimajukan kerajaan sebagai tarikan pelancong ke pulau berkenaan.

Sehubungan itu, jambatan kayu usang yang masih digunakan akan diganti dengan laluan konkrit, manakala sistem pembedungan dipermodenkan, selain bekalan elektrik dan air dikemaskini.

Menurutnya, kedudukan dan struktur rumah orang Melayu/Brunei di perkampungan itu akan dikekalkan kerana ia antara ciri tarikan utama.

"Semua projek ini dijangka membabitkan kos RM26 juta dan pelaksanaannya dibuat dalam dua fasa, termasuk fasa pertama yang akan dimulakan tidak lama lagi," katanya.

Potensi pelancongan lain yang dikenal pasti di Labuan ialah pembangunan pulau peranginan yang ada di sekitarnya - Kuraman, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Pulau Burung dan Pulau Papan.

Md Isa mengakui sektor pelancongan menjanjikan masa depan cerah di Labuan. Tahun lalu saja, seramai 437,296 pelancong melawat ke Labuan dan ia perangkaan besar jika mengambil kira saiz pulau itu.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, juga sependapat mengenai potensi pelancongan di pulau itu, justeru mahu pendekatan bersepadu dilakukan untuk membangunkannya.

Namun, beliau bimbang cadangan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menaikkan 50 peratus kadar tambang domestik yang dikhuatiri boleh menjejaskan industri pelancongan di Labuan.

Pengerusi LDA, Datuk Mustapa Mohamed, yang meninjau kemajuan beberapa projek pelancongan di Labuan baru-baru ini, mengakui projek hadap air Labuan menjadi aset baru pelancongan di Labuan.

Walaupun mungkin projek itu lewat sedikit daripada jadual, namun beliau optimistik apabila beroperasi kelak, pusat berkenaan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong ke Labuan.

"Menyedari Labuan sebagai pulau bebas cukai tidak lagi menyerlah, kita perlu menumpukan kepada bidang pertumbuhan baru dan satu daripadanya sektor pelancongan," katanya.

(END)